

28/07/2001

Debaran akhir Anugerah Sri Angkasa

SHAHARUDDIN Thamby, Zaidi Omar dan Rosyam Nor menjadikan saingan sengit kategori Pelakon Lelaki TV Terbaik pada Anugerah Sri Angkasa (ASA) 2001 yang berlangsung di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), petang esok.

Mereka layak memasuki peringkat akhir bersama seorang lagi calon, Mubarak Majid.

Masing-masing berjaya menempatkan nama atas tiket drama Katakuk Kotaku, Ikhlas, Takbir Untuk Abdah dan Bila Kompang Berbunyi.

Begitu juga nama Haliza Misbun menerusi drama Nyanyian Buat Suami dan Wan Nor Azlin (Takbir Untuk Abdah) bersaing dalam kategori Pelakon Wanita TV Terbaik yang berdepan saingan daripada Dilla Ahmad (Bila Kompang Berbunyi) dan dramatis veteran, Asmahani Hussain (Ikhlas)

Mubarak juga disenaraikan sekali lagi untuk kategori Pelakon Pembantu TV Lelaki Terbaik bersama calon lain iaitu Roslan Salleh, Nasrizal Ngasri dan Abu Bakar Omar manakala calon wanita pula adalah Fauziah Nawawi, Raja Azura, Wan Maimunah dan Juhara Ayob.

Mereka antara peserta akhir yang menjadi perhatian pada ASA 2001 yang disiarkan secara langsung menerusi TV1, selama empat jam, mulai 2 petang esok.

Acara itu dijangka dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob.

Bagi kategori Pengarah Drama TV Terbaik, drama yang dicalonkan pada peringkat akhir ialah Ahmad Ibrahim menerusi Takbir Untuk Abdah, Mohd Nor Bujang (Sempadan Pertemuan), Azman Azif Mohamad (Menjaring Matahari) dan Kamarudin Hassan (Ikhlas).

Lebih mendebarkan, empat penyanyi hebat berentap bagi kategori Anugerah Penghibur TV Terbaik iaitu M Nasir, Siti Nurhaliza, Sharifah Aini dan Syafinaz.

Empat calon yang disenaraikan untuk kategori Anugerah Bakat Harapan TV ialah pelakon kanak-kanak menerusi sitkom Kami, Muhammmad Hafiz Asyraf, Edlynna Hanie dan Jeslina Hashim (Teen Star 200), serta Mohd Firdaus Hashim (Antara Dua Usia).

Anugerah Pengacara TV Terbaik menyaksikan hanya tiga nama bertanding - Omar Arif (Era Bina), Zainal Abidin Rawop (Liga Perdana Inggeris) dan Raja Mohamad Khuzairi Omar (Zig Zag). Penyampai Berita TV Terbaik menyenaraikan nama Farit Ismeth Emir, Norashikin Abdul Rahman, Alan Bligh dan Mary Anne Masilamany.

Dalam bahagian TV, 46 kategori disediakan termasuk satu katgori khas berdasarkan pemilihan penganjur iaitu Anugerah Tokoh dan Anugerah Khas Juri.

Kategori televisyen lain yang turut dipertandingkan ialah Anugerah Cerita TV Terbaik, Anugerah Drama Bersiri TV Terbaik, Anugerah Komedi TV Terbaik, Anugerah Muzikal TV Terbaik, Anugerah Hiburan TV Bersiri Terbaik, Anugerah Gameshow TV Terbaik dan Anugerah Dokumentari TV Terbaik.

Bagi bahagian radio, 22 kategori disediakan termasuk Anugerah Khas Juri Radio.

Anugerah Penyiar Serba Boleh membariskan empat calon pada peringkat akhir iaitu Daud Abdullah dari Radio 1, Rapitah Sulaiman (Radio Malaysia Pahang), Haris Mat Nor (Radio Malaysia Kelantan) dan Latifah Sidek (Radio Malaysia Selangor).

Kategori radio lain ialah DJ Terbaik, Pengulas Terbaik,

Dokumentari/Majalah Terbaik, Drama Terbaik, Drama Bersiri Terbaik, Skrip Drama Terbaik, Penyampai Terbaik dan Sketsa Terbaik.

Menerusi ASA 200, dua sesi persembahan diadakan iaitu segmen pertama membabitkan pengacara Bob Lokman bersama barisan artis termasuk Nurfatimah, GT Boyz, Carol Oormilla, XPDC, Winnie Kok, Abon, Sathiya dan Mandy.

Segmen kedua menampilkan pengacara Aznil Nawawi dan Maya Karin bersama artis yang membuat persembahan termasuk Siti, M Nasir, Dayang Nurfaizah dan Norhaida.

(END)